



05 DEC, 2020

Penggodam sasar penggunaWiFi awam

Utusan Malaysia

Page 1 of 1

Penggodam sasar penggunaWiFi awam

Oleh **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN**
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Penggunaan sambungan internet menerusi jaringan tanpa wayar (WiFi) awam yang tiada perisian, antivirus atau fungsi 'firewall' berisiko maklumat diceroboh.

Pensyarah Kanan Jabatan Kepintaran Buatan (AI), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Malaya (UM), Dr. Aznul Qalid Md. Sabri berkata, masyarakat perlu peka dengan kelemahan penggunaan WiFi awam.

Menurut beliau, ini termasuk ketika individu mendaftar masuk akaun media sosial seperti Facebook, Twitter, e-mel, aplikasi perbankan melalui komputer dan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur atau di KL Sentral.

"Orang ramai kena sedar penggodam memang sasar penggunaan WiFi percuma di tempat awam.



AZNUL QALID MD. SABRI

"Jadi, lebih elok menggunakan jaringan internet sendiri," kata beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan sebanyak RM36 juta wang individu dan syarikat di dalam akaun bank diceroboh penjenayah.

Kejadian tersebut dipercayai berpunca daripada mangsa mendedahkan maklumat per-

bankan seperti nama pengguna dan kata laluan sama ada secara sengaja atau tanpa sedar.

Selain penceroboh akaun bank juga boleh menggunakan teknik 'pishing' memperdaya mangsa menerusi emel atau sistem perkhidmatan ringkat (SMS) untuk mencuri maklumat peribadi pemegang akaun.

Mengulas lanjut, Dr. Aznul berkata, orang ramai dinasihat berhati-hati ketika melayari laman web di internet dengan memastikan terteranya *Hyper Text Transfer Protocol Secure* (HTTPS) pada pautan laman untuk memastikan jaringan keselamatan lebih tinggi berbanding *Hyper Text Transfer Protocol* (HTTP).

HTTPS digunakan secara meluas dalam bidang teknologi maklumat yang berfungsi sebagai lapisan keselamatan dan membenarkan penghantaran, penerimaan maklumat serta data internet dengan selamat antara pelayar dan pelayan sesebuah laman web.